

**PELAKSANAAN AMALAN 5S DALAM KALANGAN
GURU DI ENAM BUAH SEKOLAH MENENGAH
DI DAERAH KOTA MARUDU**

RODZAINIE BIN MATIMPAN

**TESIS INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA
PENDIDIKAN (PENGURUSAN PENDIDIKAN)**

**SEKOLAH PENDIDIKAN DAN
PEMBANGUNAN SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

2013

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL : **PELAKSANAAN AMALAN 5S DALAM KALANGAN GURU DI ENAM BUAH SEKOLAH MENENGAH DI DAERAH KOTA MARUDU**

IJAZAH : **IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENGURUSAN PENDIDIKAN)**

SAYA : **RODZAINIE BIN MATIMPAN** SESI PENGAJIAN : **2012/2013**

Mengaku membenarkan tesis (LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

☐	SULIT
☐	TERHAD
☒	TIDAK TERHAD

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

Disahkan Oleh

(RODZAINIE BIN MATIMPAN)

Tarikh: _____

(Dr. Mohd. Khairuddin Abdullah)

Tarikh: _____

CATATAN:- *Potong yang tidak berkenaan.

****Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.**

@ Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM)

PENGAKUAN CALON

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

5 JULAI 2013


.....
RODZAINIE BIN MATIMPAN
PT20117195C

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurniaNYA, maka akhirnya saya dapat menyiapkan disertasi akhir Sarjana Pendidikan ini dengan jayanya. Alhamdulillah syukur, segala kerumitan, kepayahan dan juga rintangan yang dihadapi semasa menyiapkan disertasi ini dapat dihadapi dengan bekalan kesabaran dan sokongan daripada semua pihak yang terlibat.

Kepada penyelia disertasi saya, Dr. Mohd. Khairuddin Abdullah, terima kasih yang tidak terhingga kerana membantu dan membimbing saya menyiapkan kajian ini. Walaupun beliau sentiasa sibuk dan mempunyai komitmen yang tinggi terhadap tugas beliau, namun beliau tetap sentiasa meluangkan masa untuk membantu saya sehingga disertasi ini dapat diselesaikan.

Kepada isteri dan anak-anak tersayang, terima kasih kerana sentiasa menyokong saya dari belakang. Kalian sentiasa menjadi pedoman dan dorongan kepada saya pada setiap masa. Kasih sayang, kerjasama dan sikap sentiasa memahami kalian sentiasa memberikan saya semangat untuk terus belajar dan menamatkan pengajian ini.

Kepada ibu yang tersayang, terima kasih yang tak terhingga. Berkat doa dan kasih sayang yang dicurahkan kepada saya sedari kecil sememangnya satu pengorbanan yang tiada tolok bandingnya. Kepada ayah yang sentiasa dicintai, walaupun telah meninggalkan kami sekeluarga, semoga kejayaan saya kelak akan menjadi satu hadiah kepada mu walaupun sedikit nilainya.

Akhir sekali, kepada Pegawai Pelajaran Daerah Kota Marudu, staf-staf Pejabat Pelajaran Daerah Kota Marudu dan juga rakan-rakan yang sentiasa membantu saya tidak kira dalam apa bentuk sekalipun, semoga Allah SWT akan memberkati kalian. Terima kasih.

Sekian,

Rodzainie bin Matimpan

ABSTRAK

Disertasi ini adalah berkaitan dengan kajian tentang pelaksanaan amalan 5S dalam kalangan guru di enam buah sekolah menengah di daerah Kota Marudu. Aspek kajian yang dijalankan adalah berkaitan dengan tahap pemahaman dan kesan pelaksanaan amalan 5S dalam kalangan guru di enam buah sekolah di daerah Kota Marudu di mana faktor yang diambil kira adalah beberapa ciri demografi termasuk jantina, jawatan dan juga pengalaman mengajar. Bilangan responden yang terlibat adalah seramai 184 orang daripada 464 orang guru di sekolah-sekolah menengah di daerah Kota Marudu. Instrumen kajian yang dilakukan adalah berbentuk soal seldidik di mana analisis data menggunakan SPSS 20.0. Dapatan kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan skor min yang signifikan di dalam kedua-dua pembolehubah yang terlibat iaitu tahap pemahaman guru dan juga kesan pelaksanaan amalan 5S dalam kalangan guru tersebut berdasarkan kepada ketiga-tiga faktor yang disebutkan di atas. Selain itu, dapatan kajian juga menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan skor min yang signifikan di antara tahap pemahaman dan juga kesan pelaksanaan amalan 5S tersebut dalam kalangan guru-guru di enam buah sekolah menengah di daerah Kota Marudu.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ABSTRACT

This dissertation is concerned with the study of the 5S practice among teachers in six secondary schools in Kota Marudu. There are several areas which are related to the understanding and impact of the implementation of 5S practices among teachers in six schools in Kota Marudu where the factors to be considered are several demographic characteristics including gender, position and years of teaching experience. Number of respondents was about 184 people out of 464 teachers in secondary schools in Kota Marudu. The research instrument was a Questionnaire done by analyzing data using SPSS 20.0. The results showed there was no significant difference in mean scores in the two variables involved, namely the level of understanding of the impact of teachers and 5S practice among teachers is based on the three factors mentioned above. In addition, the study also showed that there is no significant mean scores between the understanding and the impact of the 5S practice among teachers in six secondary schools in Kota Marudu.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI KANDUNGAN

PERKARA

MUKA SURAT

TAJUK	i
BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS	ii
PENGAKUAN CALON	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
SENARAI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI RAJAH/FOTO	xi
SENARAI SINGKATAN/SIMBOL	xii
SENARAI LAMPIRAN	xiii
BAB 1 : PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Masalah	2
1.3 Pernyataan Masalah	3
1.4 Tujuan Kajian	4
1.5 Objektif Kajian	4
1.6 Soalan Kajian	5
1.7 Hipotesis Kajian	5
1.8 Definisi Operasional	6
1.8.1 Impak Pelaksanaan	7
1.8.2 Amalan 5S	7
1.9 Kepentingan Kajian	8
1.9.1 Kepada Pihak Sekolah	8
1.9.2 Kepada Pihak Pejabat Pelajaran Daerah Kota Marudu	9
1.9.3 Kepada Pihak Jabatan Pelajaran Negeri Sabah	9
1.10 Batasan Kajian	9
1.11 Kesimpulan	10
BAB 2 : SOROTAN LITERATUR	12
2.1 Pengenalan	12
2.2 Literatur Berkaitan	12
2.3 Teori dan Model yang Berkaitan	18
2.3.1 Model OHI (Organization Health Inventory)	19
2.3.2 Model Iklim Organisasi	20
2.3.3 Model Organisasi Berkesan	20
2.4 Kerangka Konsep Kajian	21
2.5 Rumusan	22
BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN	23
3.1 Pengenalan	23
3.2 Rekabentuk Kajian	23
3.3 Kaedah Kajian	24
3.4 Instrumen Kajian	24

3.4.1 Panduan Skala Likert dalam Borang Soal Selidik	25
3.5 Populasi dan Persampelan	26
3.6 Kajian Rintis	26
3.7 Prosedur Pengumpulan Data	28
3.8 Prosedur Penganalisan Data	29
3.8.1 Interpretasi Korelasi	29
3.8.2 Interpretasi Skor Min	30
3.9 Rumusan Analisis Data	31
 BAB 4 : ANALISIS DATA	 33
4.1 Pengenalan	33
4.2 Profil Responden	33
4.2.1 Maklumat Demografi Guru	34
4.3 Laporan Dapatan Kajian	40
4.3.1 Darjah Persetujuan Berdasarkan Kekerapan	40
4.3.2 Pengujian Hipotesis untuk Persoalan Kajian	44
 Bab 5 : Rumusan, Perbincangan dan Cadangan	 56
5.1 Pengenalan	56
5.2 Rumusan dan Perbincangan	56
5.2.1 Tahap kefahaman amalan 5S dalam kalangan guru berdasarkan Jantina	56
5.2.2 Tahap kefahaman amalan 5S dalam kalangan guru berdasarkan Jawatan	57
5.2.3 Tahap kefahaman amalan 5S dalam kalangan guru berdasarkan Pengalaman Mengajar	58
5.2.4 Kesan Pelaksanaan amalan 5S dalam kalangan guru di 6 buah sekolah menengah di daerah Kota Marudu berdasarkan jantina	59
5.2.5 Kesan Pelaksanaan amalan 5S dalam kalangan guru di 6 buah sekolah menengah di daerah Kota Marudu berdasarkan jawatan	60
5.2.6 Kesan Pelaksanaan amalan 5S dalam kalangan guru di 6 buah sekolah menengah di daerah Kota Marudu berdasarkan pengalaman mengajar	61
5.2.7 Hubungan di antara tahap pelaksanaan dan kesan pelaksanaan amalan 5S dalam kalangan guru di 6 buah sekolah menengah di daerah Kota Marudu	62
5.3 Sokongan Kajian Lepas	63
5.4 Cadangan dan Kesimpulan	63
5.4 Rumusan	65
BIBLIOGRAFI	66

SENARAI JADUAL

JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
Jadual 3.1	Rujukan Skala Likert	25
Jadual 3.2	Kebolehpercayaan Item Dalam Soal Selidik Kajian Rintis	27
Jadual 3.3	Anggaran Kekuatan Perhubungan antara dua pembolehubah	30
Jadual 3.4	Interpretasi Skor Min	31
Jadual 3.5	Rumusan Analisis Data	31
Jadual 4.1	Taburan Responden mengikut Jantina	34
Jadual 4.2	Taburan Responden mengikut Umur	35
Jadual 4.3 (a)	Min Keseluruhan Taburan Responden	36
Jadual 4.3 (b)	Taburan Responden mengikut Jawatan	36
Jadual 4.4 (a)	Min Keseluruhan Taburan Responden mengikut Kelayakan Akademik	37
Jadual 4.4 (b)	Taburan Responden mengikut Kelayakan Akademik	38
Jadual 4.5 (a)	Min Keseluruhan Taburan Responden mengikut Pengalaman Mengajar	39
Jadual 4.5 (b)	Taburan Responden mengikut Pengalaman Mengajar	39
Jadual 4.6 (a)	Kekerapan darjah persetujuan berdasarkan kekerapan menjawab soalan	40
Jadual 4.6 (b)	Kekerapan darjah persetujuan item 3 soal selidik Bahagian B	41
Jadual 4.6 (c)	Kekerapan darjah persetujuan item 10 soal selidik Bahagian B	42
Jadual 4.6 (d)	Kekerapan darjah persetujuan item 2 soal selidik Bahagian C	42
Jadual 4.6 (e)	Kekerapan darjah persetujuan item 9 soal selidik Bahagian C	43
Jadual 4.7 (a)	Perbezaan skor min tahap pemahaman Guru terhadap amalan 5S berdasarkan jantina	44
Jadual 4.7 (b)	Perbezaan skor min signifikan bagi tahap kefahaman amalan 5S berdasarkan jantina	45
Jadual 4.8 (a)	Perbezaan skor min tahap pemahaman Guru terhadap amalan 5S berdasarkan jawatan	45
Jadual 4.8 (b)	Skor min signifikan tahap pemahaman Guru terhadap amalan 5S berdasarkan jawatan	46
Jadual 4.9 (a)	Perbezaan skor min tahap pemahaman Guru berdasarkan pengalaman mengajar	47
Jadual 4.9 (b)	Skor min signifikan tahap pemahaman Guru berdasarkan pengalaman mengajar	48
Jadual 4.10 (a)	Perbezaan skor min kesan pelaksanaan Guru berdasarkan jantina	49
Jadual 4.10 (b)	Perbezaan skor min signifikan kesan pelaksanaan	

Jadual 4.11 (a)	Guru berdasarkan jantina Perbezaan skor min kesan pelaksanaan	49
Jadual 4.11 (b)	Guru berdasarkan jawatan Perbezaan skor min signifikan kesan pelaksanaan	50
Jadual 4.12 (a)	Guru berdasarkan jawatan Perbezaan skor min kesan pelaksanaan	51
Jadual 4.12 (b)	Guru berdasarkan pengalaman mengajar Perbezaan skor min signifikan kesan pelaksanaan	52
Jadual 4.13 (a)	Guru berdasarkan pengalaman mengajar Analisis Deskriptif	53
Jadual 4.13 (b)	Nilai pekali korelasi hubungan min tahap Kefahaman dengan kesan pelaksanaan	54



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI RAJAH/FOTO

RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
Rajah 2.1	Kerangka konseptual kajian	21



SENARAI SINGKATAN / SIMBOL

KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
PPDKM	Pejabat Pelajaran Daerah Kota Marudu
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan
SPSS	<i>Statistical Package for Social Scince</i>



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI LAMPIRAN

- Lampiran A : Instrumen (Soal selidik) Kajian
Lampiran B : Output Pengiraan SPSS



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Seiri, Seiton, Seiso, Seiketsu dan Shitsuke merupakan perkataan-perkataan yang diambil daripada bahasa Jepun yang membawa maksud Sisih, Susun, Sapu, Seragam dan Sentiasa Praktik. Kesemua tafsiran tersebut telah diringkaskan menjadi satu konsep yang sangat popular iaitu 5S agar ia lebih mudah disebut dan ringkas penggunaannya. Walaupun ringkas, manfaat dari hasil penggunaannya terserlah dengan gaya kerja yang sistematik. Bermula dengan aktiviti 5S dan seterusnya mengamalkannya dengan penggunaan kaedah dan teknik kawalan kualiti, sesebuah organisasi akan mampu mengekalkan, menambahbaik dan meningkatkan kualiti kerja.

Pelaksanaan amalan 5S di dalam organisasi pentadbiran adalah sangat dituntut khususnya dalam kalangan penjawat perkhidmatan awam di Malaysia. Seajar dengan tuntutan pelaksanaan amalan 5S tersebut, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia telah mengeluarkan Surat Arahan Pentadbiran Bil.1 Tahun 2010, rujukan JPA(BKP)71/17 Klt.3 (39). Surat Arahan Pentadbiran tersebut merupakan satu panduan amalan 5S khususnya di semua jabatan perkhidmatan awam di Malaysia. Antara lain tujuan panduan amalan 5S ini adalah untuk memberi panduan asas pelaksanaan amalan persekitaran berkualiti di Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia dengan menggunakan teknik Amalan 5S. Selain itu, ia juga menerangkan keperluan Amalan 5S di JPA sebagai usaha penambahbaikan secara berterusan ke atas system, proses dan sumber manusia dengan penggunaan kosnya yang cekap dan berkesan.

1.2 Latar belakang Masalah

Aspek pengurusan kualiti merupakan satu isu yang sangat penting dan sensitive khususnya di dalam persekitaran pengurusan organisasi. Antara pengurusan organisasi yang terlibat di dalam pengurusan kualiti tersebut termasuklah bidang pendidikan, perniagaan dan juga institusi-institusi awam dan swasta yang wujud di negara kita.

Berdasarkan kepada surat Arahan Pentadbiran Bil.1/2010, Panduan Amalan 5S, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia, amalan 5S merujuk kepada singkatan perkataan dalam bahasa Jepun iaitu Seiri (Sisih), Seiton (Susun), Seisio (Sapu), Seiketsu (Seragam) dan Shitsuke (Sentiasa Amal). Amalan 5S ini berkesan untuk mewujudkan persekitaran tempat kerja yang berkualiti secara sistematik dan praktikal. Keberkesanan pelaksanaannya menjamin peningkatan kualiti perkhidmatan pada kos yang optimum dengan proses kerja yang lebih berkesan dan meningkatkan tahap kepuasan hati pelanggan dalaman dan luaran.

Secara amnya, tumpuan utama penggunaan teknik amalan 5S tersebut adalah untuk menyumbang kepada proses penambahbaikan terhadap persekitaran tempat kerja yang memberi keutamaan dalam aspek kebersihan, kekemasan dan keselamatan di tempat kerja. Amalan 5S dapat memperkukuhkan lagi Sistem Pengurusan Kualiti JPA (MS ISO 9000), khususnya keperluan piawaian di bawah Klausa Pengurusan Sumber iaitu Klausa 6.4 – Persekitaran Kerja. Hasil daripada amalan 5S yang cekap, berkesan dan konsisten, seharusnya sesebuah organisasi tempat kerja akan mendapat nilai tambah kepada imej organisasi tersebut.

Di dalam institusi pendidikan pula, tuntutan amalan 5S ini juga mempunyai prioriti yang tinggi. Walaupun amalan melaksanakan konsep kemas di tempat kerja telah lama diamalkan, namun jika tidak mempunyai sebarang panduan, sistem tersebut agak sukar untuk dilaksanakan. Berdasarkan kepada pemerhatian pengkaji, di daerah Kota Marudu, amalan 5S ini sebenarnya telah lama diamalkan namun impak keberkesanan pelaksanaannya belum pernah dikaji dan dianalisis secara empirikal.

1.3 Pernyataan Masalah

Sememangnya, kualiti merupakan isu yang amat penting di dalam bidang pendidikan, perniagaan dan kerajaan. Matlamat utama pendidikan negara ialah melahirkan modal insan yang berkualiti dari segi rohani, jasmani, intelektual dan emosi. Peranan institusi pendidikan menengah pula khususnya dalam kalangan guru di kesemua 6 buah sekolah menengah di daerah Kota Marudu dalam melaksanakan amalan 5S di tempat kerja adalah satu amalan pelaksanaan yang perlu dikaji sejauh mana pelaksanaan tersebut diamalkan. Kesan pelaksanaan amalan 5S khususnya dalam kalangan guru di 6 buah sekolah menengah di daerah Kota Marudu seharusnya dikaji berdasarkan kepada faktor jantina, jawatan dan pengalaman mengajar seperti mana yang digariskan dalam objektif ini. Pengkaji mengharapkan agar kajian yang dijalankan ini akan memberi manfaat kepada semua guru di sekolah-sekolah yang terlibat.

Permasalahan ini sebenarnya dapat diselesaikan melalui peningkatan kualiti melalui kewujudan budaya berkualiti di sesebuah institusi pendidikan. Pelajar yang berjaya dengan cemerlang dalam pelajaran tidak semestinya berkualiti. Kualiti merupakan satu istilah yang amat simbolik dan mempunyai makna tersendiri dalam diri setiap individu. Ianya terpulang kepada individu itu sendiri bagaimana untuk mentafsirkannya. Dunia pendidikan perlu menjana satu transformasi yang drastik agar kemahiran yang tersembunyi dalam diri setiap pelajar dapat dicungkil dan seterusnya melahirkan pelajar yang berkualiti dan mampu memenuhi matlamat pendidikan negara. Kualiti di dalam pendidikan dapat ditingkatkan apabila semua pihak terlibat seperti guru, pihak pengurusan, staf dan ibu bapa dapat bersama-sama membangunkan satu sikap baru yang lebih fokus kepada kepimpinan, kerja berpasukan, amalan kolaboratif, akauntabiliti dan pengiktirafan (Arcaro, 1995).

1.4 Tujuan Kajian

Chua (2006), menyatakan bahawa tujuan kajian bertujuan untuk menyatakan hasrat utama pengkaji melakukan kajian dan merupakan aspek terpenting dalam suatu kajian. Secara amnya, kajian yang dijalankan ini adalah bertujuan untuk mengenalpasti impak pelaksanaan amalan 5S dalam kalangan guru di enam buah sekolah menengah di daerah Kota Marudu. Kajian ini juga merangkumi kajian mengenai tahap dan kesan pelaksanaan selain mengenalpasti tahap kepuasan guru-guru mengenai pelaksanaan amalan 5S ini di dalam organisasi mereka. Akhir sekali, kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti hubungan di antara tahap pelaksanaan dan juga kesan pelaksanaannya.

1.5 Objektif Kajian

Berdasarkan kepada latar belakang dan juga pernyataan masalah yang dibincangkan sebelum ini, kajian ini menggariskan beberapa objektif utama, iaitu:

- a) Menenalpasti kekerapan maklumat demografi responden berdasarkan faktor demografi jantina, umur, jawatan, kelayakan akademik dan juga pengalaman mengajar.
- b) Menenalpasti tahap kefahaman amalan 5S dalam kalangan guru di 6 buah sekolah menengah di daerah Kota Marudu berdasarkan jantina, jawatan dan pengalaman mengajar.
- c) Menenalpasti kesan pelaksanaan amalan 5S terhadap guru di 6 buah sekolah menengah di daerah Kota Marudu berdasarkan jantina, jawatan dan pengalaman mengajar.
- d) Menenalpasti hubungan di antara tahap kefahaman dan kesan pelaksanaan amalan 5S dalam kalangan guru di 6 buah sekolah menengah di daerah Kota Marudu.

1.6 Soalan Kajian

Antara soalan kajian yang terlibat di dalam kajian ini adalah:

- a) Apakah tahap kekerapan maklumat demografi responden berdasarkan faktor demografi jantina, umur, jawatan, kelayakan akademik dan juga pengalaman mengajar.
- b) Apakah tahap kefahaman amalan 5S dalam kalangan guru di 6 buah sekolah menengah di daerah Kota Marudu berdasarkan jantina, jawatan dan pengalaman mengajar?
- c) kesan pelaksanaan amalan 5S terhadap guru di 6 buah sekolah menengah di daerah Kota Marudu berdasarkan jantina, jawatan dan pengalaman mengajar?
- d) Adakah terdapat hubungan yang signifikan di antara tahap kefahaman dan kesan pelaksanaan amalan 5S dalam kalangan guru di 6 buah sekolah menengah di daerah Kota Marudu?

1.7 Hipotesis Kajian

Beberapa hipotesis kajian telah dikenalpasti sesuai dengan kajian mengenai impak pelaksanaan amalan 5S tersebut dalam kalangan guru di sekolah-sekolah di daerah Kota Marudu. Antaranya ialah:

$H_{01}(a)$: Tidak terdapat perbezaan skor min yang signifikan tahap kefahaman amalan 5S dalam kalangan guru di 6 buah sekolah menengah di daerah Kota Marudu berdasarkan jantina.

$H_{01}(b)$: Tidak terdapat perbezaan skor min yang signifikan tahap kefahaman amalan 5S dalam kalangan guru di 6 buah sekolah menengah di daerah Kota Marudu berdasarkan jawatan.

- $H_{01}(c)$: Tidak terdapat perbezaan skor min yang signifikan tahap kefahaman amalan 5S dalam kalangan guru di 6 buah sekolah menengah di daerah Kota Marudu berdasarkan pengalaman mengajar.
- $H_{02}(a)$: Tidak terdapat perbezaan skor min yang signifikan kesan pelaksanaan amalan 5S dalam kalangan guru di 6 buah sekolah menengah di daerah Kota Marudu berdasarkan jantina.
- $H_{02}(b)$: Tidak terdapat perbezaan skor min yang signifikan kesan pelaksanaan amalan 5S dalam kalangan guru di 6 buah sekolah menengah di daerah Kota Marudu berdasarkan jawatan.
- $H_{02}(c)$: Tidak terdapat perbezaan skor min yang signifikan kesan pelaksanaan amalan 5S dalam kalangan guru di 6 buah sekolah menengah di daerah Kota Marudu berdasarkan pengalaman mengajar.
- H_{03} : Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara tahap pelaksanaan dan kesan pelaksanaan amalan 5S dalam kalangan guru di 6 buah sekolah menengah di daerah Kota Marudu.

1.8 Definisi Operasional

Lay (2011), menyatakan bahawa tajuk kajian yang telah dikenalpasti dapat memberi maklumat mengenai pembolehubah kajian yang akan diselidiki. Dalam hal ini, pembolehubah yang dikaji perlu didefinisikan secara operasi untuk mengelakkan sebarang kekeliruan mengenai maksud sebenar yang dibawa oleh pembolehubah kajian dalam konteks kajian yang berbeza-beza. Di dalam kajian yang dijalankan ini, terdapat beberapa pembolehubah yang perlu diberikan takrifan ataupun definisi secara operasional.

1.8.1 Impak Pelaksanaan

Impak pelaksanaan pula mengambilkira mengenai dua aspek utama iaitu tahap dan juga kesan pelaksanaan amalan 5S ini dalam kalangan guru khususnya di enam buah sekolah menengah di daerah Kota Marudu.

1.8.2 Amalan 5S

Amalan 5S adalah singkatan daripada beberapa perkataan yang diambil daripada bahasa Jepun iaitu seiri, seiton, seiso, seiketsu dan shitsuke. Perkataan-perkataan tersebut didefinisikan seperti di bawah:

a) Sisi (Seiri)

Sisi atau mengasing adalah satu proses kerja mengasing barangan yang perlu daripada sekumpulan barangan yang tidak diperlukan di tempat kerja. Ia adalah proses menentukan barang-barang atau peralatan yang diperlukan atau tidak diperlukan. Proses pengasingan ini membantu dalam menentukan barangan yang mungkin tidak diperlukan sekarang tapi boleh digunakan pada masa hadapan dan peralatan haruslah disimpan di tempat simpanan yang sesuai.

b) Susun (Seiton)

Menyusun dan melabel dilakukan setelah kesemua barangan yang tidak diperlukan diasingkan. Ini dilakukan bertujuan memudahkan penggunaan dan penyimpanan. Susunan barangan dilakukan mengikut kumpulan yang sama. Dengan berbuat demikian, ia akan membantu mempercepatkan proses kerja bagi mendapatkan barang tersebut apabila diperlukan kelak. Tujuan utama menyusun untuk menjimatkan ruang nampak lebih kemas dan teratur dan memudahkan proses mencari pada masa akan datang.

c) Sapu (Seiso)

Kebanyakan pekerja akan merasa lebih selesa apabila bekerja dalam persekitaran yang bersih dan segar. Selain dari meningkatkan efisien kerja, menyapu juga boleh

mempertingkatkan tahap keselamatan di tempat kerja dan peralatan yang digunakan. Ia bertujuan untuk menghilangkan habuk atau kekotoran yang melekat di lantai, mesin di tempat kerja atau barang-barang yang telah disisih dan disusun. Satu senarai semak hendaklah diletakkan untuk menjadi panduan kepada pekerja tentang apa yang harus dilakukan pada masa akan datang dalam aktiviti ini.

d) Seragam (Seiketsu)

Seragam hanya dapat dilakukan setelah aktiviti sisih, susun, dan sapu telah disempurnakan. Seragam atau mengekalkan kebersihan tempat kerja pada tahap asal adalah penting agar segala usaha yang dilakukan dalam tiga aktiviti terdahulu tidak menjadi sia-sia. Aktiviti yang dilakukan sendiri oleh kakitangan akan menyemai sifat kekitaan dan cintakan kebersihan di tempat kerja. Justeru, kakitangan akan sentiasa memastikan dan mengekalkan kebersihan tempat kerja mereka.

e) Shitsuke (Sentiasa Amal)

Shitsuke pula bermaksud sentiasa amal atau melatih pekerja mematuhi peraturan penjagaan kebersihan yang baik dengan sendirinya.

1.9 Kepentingan Kajian

Terdapat beberapa kepentingan kajian ini dilakukan. Antaranya ialah:

- a) Kepada pihak sekolah
- b) Kepada pihak Pejabat Pelajaran Daerah Kota Marudu
- c) Kepada pihak Jabatan Pelajaran Negeri Sabah.

1.9.1 Kepada Pihak Sekolah

Walaupun banyak kajian telah dilakukan yang berkaitan dengan amalan pelaksanaan 5S di sesebuah organisasi pengurusan, namun bagi pihak sekolah yang dikaji, kajian ini sangat memberi makna kepada mereka khususnya dari segi dapatan kajian yang

diperolehi. Kajian impak pelaksanaan amalan 5S ini sangat penting kepada pihak sekolah yang dikaji iaitu enam buah sekolah menengah di daerah Kota Marudu. Ini kerana, kajian yang dijalankan bukan sahaja dapat memberi input dan gambaran yang sebenar mengenai pelaksanaan amalan 5S di sekolah mereka, malah pihak pentadbir dan juga guru-guru di sekolah tersebut juga dapat menganalisis kekurangan yang ada semasa melaksanakan amalan 5S ini.

1.9.2 Kepada Pihak Pejabat Pelajaran Daerah Kota Marudu

Selain pihak sekolah, kajian ini juga memberikan input yang berguna kepada pihak Pejabat Pelajaran Daerah Kota Marudu kerana kajian ini meliputi aspek yang berkaitan dengan kualiti. Bagi pihak pengurus kualiti di daerah Kota Marudu, data kajian yang diperolehi daripada kaji selidik yang dijalankan sangat berguna kepada mereka kerana data-data tersebut boleh digunakan untuk menjana laporan keberkesanan impak pelaksanaan amalan 5S di peringkat daerah kepada pihak Jabatan Pelajaran Negeri Sabah.

1.9.3 Kepada Pihak Jabatan Pelajaran Negeri Sabah

Akhir sekali, kepentingan kajian yang dijalankan ini adalah kepada pihak Jabatan Pelajaran Negeri Sabah kerana kajian yang dijalankan akan membantu mereka untuk mengenalpasti tahap pelaksanaan amalan 5S di peringkat sekolah dan seterusnya dijadikan satu penanda aras kepada laporan keberkesanan tahap pelaksanaan amalan 5S di sekolah-sekolah di negeri Sabah.

1.10 Batasan Kajian

Secara keseluruhannya, terdapat beberapa kelemahan, limitasi atau kekangan kepada kajian yang dijalankan ini. Pertama, skop atau ruang lingkup kajian yang dijalankan hanya merangkumi enam buah sekolah menengah di daerah Kota Marudu sahaja. Oleh

yang demikian, dapatan kajian yang diperolehi sebenarnya belum boleh mewakili gambaran keseluruhan amalan pelaksanaan 5S di seluruh negara. Kedua, bilangan responden ataupun sampel yang kecil disebabkan oleh pemilihan populasi dan sampel kajian berkenaan. Ini disebabkan oleh kekangan masa untuk menjalankan kajian. Tempoh untuk menyiapkan kajian ini adalah sangat singkat. Oleh itu, pengkaji memutuskan untuk mengkaji enam buah sekolah menengah di daerah Kota Marudu sahaja walaupun pada perancangan awalnya, kajian ini dilakukan di kesemua 39 buah sekolah menengah dan sekolah rendah di daerah Kota Marudu.

1.11 Kesimpulan

Amalan 5S adalah satu pendekatan yang terbaik khususnya dalam mengubah persekitaran sesebuah organisasi. Secara keseluruhannya, kajian yang dijalankan ini adalah berkaitan dengan impak pelaksanaan 5S di 6 buah sekolah menengah di daerah Kota Marudu.

Seiring dengan kajian yang dijalankan, maka sudah tentu beberapa konsep atau istilah yang berkaitan iaitu konsep 5S yang diambil daripada beberapa perkataan dalam bahasa Jepun iaitu Seiri, Seiton, Seiso, Seiketsu dan juga Shitsuke. Seiri merupakan perkataan yang bermaksud sisih iaitu mengasingkan barang-barang yang tidak diperlukan di tempat kerja dan membuangnya. Manakala, Seiton pula bermaksud susun atau menyusun barang-barang yang diperlukan dengan teratur supaya ianya mudah diambil untuk digunakan. Seterusnya, seiso yang bermaksud sapu atau membersihkan tempat kerja dengan rapi supaya tiada habuk di atas lantai, mesin dan perkakas. Seiketsu pula bermaksud seragam atau memelihara taraf penjagaan kebersihan dan penyusunan tempat kerja yang tinggi pada setiap masa.

Akhir sekali ialah konsep shitsuke yang bermaksud sentiasa amal atau melatih pekerja mematuhi peraturan penjagaan kebersihan yang baik dengan sendirinya. Secara kasarnya, kajian yang dijalankan ini dapat melihat kesan ataupun impak

pelaksanaan 5S khususnya kepada guru-guru di 6 buah sekolah menengah di daerah Kota Marudu. Antara impak yang boleh dikenalpasti berdasarkan kajian impak pelaksanaan 5S tersebut adalah dari segi produktiviti kerja, kos dan keselamatan. Dalam masa yang sama juga, pengekal konsep Sentiasa Amal tersebut seharusnya perlu dipupuk pada setiap individu ataupun guru-guru di kesemua sekolah menengah di daerah Kota Marudu.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH